

19/11/2003

Jangan sabotaj parti: Rafidah

KUALA LUMPUR: Ahli Umno tidak seharusnya membiarkan rasa tidak puas hati dan kecewa bila calon yang mereka gemar tidak dipilih, sehingga membuat mereka sabotaj parti dalam apa juga pemilihan, termasuk pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata mereka perlu menjadikan keputusan pilihan raya 1999 termasuk kekalahan Umno di Kelantan dan Terengganu sebagai iktibar.

"Ada tempat kita cuma kalah 145 undi dan analisis Wanita Umno mendapati jumlah undi rosak di kawasan terbabit tiga kali ganda lebih banyak daripada majoriti pembangkang.

"Ini bermakna ada orang Umno sendiri merosakkan undi kerana marah dan beranggapan `biar putih tulang jangan putih mata'. Mereka ini sanggup `memotong hidung kerana bencikan muka'," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyampaian sumbangan Aidilfitri untuk anak-anak yatim dan ibu tunggal Seputeh di Metrojaya, Mid Valley di sini, semalam.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, bahawa BN dan Umno sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya dan ketika ditanya peluang BN berdasarkan analisis Wanita Umno.

Seramai 40 ibu tunggal dan 40 anak yatim dari kawasan Seputeh menerima sumbangan pada majlis anjuran Pergerakan Wanita Umno Bahagian Seputeh dan Metrojaya itu.

Hadir sama Ketua Pergerakan Wanita Umno Seputeh, Datuk Azizah Abdul Samad dan Pengerusi Metrojaya Berhad, Datuk Ahmad Khairummuzammil Mohd Yusoff.

Katanya, kunci utama yang akan memastikan kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang ialah patuh kepada disiplin parti dan memberi sokongan padu kepada siapa saja calon yang diputuskan oleh pucuk pimpinan parti.

Rafidah berkata, analisis Wanita Umno mengenai kedudukan parti dan sokongan akar umbi, bukan saja dibuat selepas pilihan raya 1999 tapi dibuat secara bulanan sehingga sekarang.

Analisis terkini bagi bulan Oktober kata beliau, akan diserahkan kepada Abdullah yang juga Pengerusi BN dan Pemangku Presiden Umno, tidak lama lagi.

Diminta mengulas keyakinan pembangkang untuk menawan Kedah berikutan Tun Dr Mahathir Mohamad bukan lagi Perdana Menteri, Rafidah berkata pembangkang terutama Pas hanya `bermimpi di siang hari'.